

Tindakan tegas pemohon suap ejen: Hishammuddin

Permohonan kewarganegaraan, permit, sijil lahir terus di KDN

Oleh Saufi Hamzah
sofeeham@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan mengambil tindakan tegas terhadap ejen atau pihak tertentu yang meminta rasuah bagi menguruskan permohonan kewarganegaraan, permit masuk dan sijil kelahiran.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata permohonan sudah diluluskan pula akan disenaraihitamkan dan ditarik balik jika pemohon didapati memberi rasuah kepada ejen.

Sambil menafikan KDN melantik ejen urusan permohonan atau meluluskan permohonan berkenaan, beliau berkata, pemohon atau sesiapa saja diminta melaporkan kepada polis jika diperdaya oleh ejen supaya tindakan segera boleh diambil.

Katanya, semua urusan berkaitan permohonan itu perlu dilakukan secara rasmi di pejabat agensi KDN.

"Saya berjanji akan mengambil tindakan terhadap mereka, termasuk menyenarai hitam dan menarik balik kelulusan permohonan yang sudah dibuat sekiranya ada," katanya pada sidang media selepas meninjau kira-kira 379 kotak berisi permohonan berkenaan di pejabatnya di sini, semalam.

Difahamkan, ada ejen yang mengenakan bayaran perkhidmatan di antara RM5,000 hingga RM10,000 bagi setiap permohonan berkenaan.

Hishammuddin mengulas pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mengenai komitmen KDN menangani isu berhubung permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia, permit masuk, sijil pendaftaran kelahiran, pekerja asing dan

pendatang tanpa izin.

Mengenai ejen bertindak keterlaluan termasuk membuat ugutan, katanya, beliau juga menerima banyak ugutan berhubung perkara berkenaan.

Beliau berkata, KDN akan menyegerakan pemrosesan permohonan kewarganegaraan yang tertangguh dan menasasarkan status pemohonan dapat diputuskan pada penghujung tahun ini.

Sehubungan itu, Hishammuddin berkata, beliau sendiri akan meneliti kira-kira 30 peratus daripada 379 kotak berisi permohonan yang belum diproses.

Pada sidang media sama, beliau berkata, kementerian tidak menerima sebarang laporan sah mengenai pemimpin Pergerakan Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE) yang dikatakan melarikan diri ke Malaysia.

Sementara itu, ditanya mengenai laporan penahanan polis terhadap sembilan penganut Kristian kerana cuba menukar agama penuntut Islam di sebuah institusi pengajian tinggi, Hishammuddin berkata, pihaknya tidak mendapat laporan berkenaan, tetapi mengingatkan tiada sesiapa yang boleh melanggar Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.

“ Saya berjanji akan mengambil tindakan termasuk menyenarai hitam dan menarik balik kelulusan permohonan yang sudah dibuat ”

Hishammuddin Hussein
Menteri Dalam Negeri

Semall
BH/16/7/2009
Ibrahim Ishak
Bahagian Khidmat Pengurusan
Kementerian Dalam Negeri
Malaysia

BH PBT 17.75 sen
16 Julai 2009
23 Rejab 1430
Khamis

Harga Semestian RM 1.50
Sahaja Sewak RM 2.00
Bundel Dunsalam: RS2.00
PP414/09/2009(022381)

BERITA